



Bersama
ENCIK SALIHIN ABANG
 CA (M), CFP, ATIL, B.ACC (IIUM)
 Asna Tax Services Sdn Bhd
 www.salihin.com.my

Bajet 2007

Ole-Ole Golongan Peniaga Dan Individu

TANPA kita sedari bajet 2007 merupakan titik pertengahan ke arah mencapai Wawasan 2020 (1990 - 2020). Tempoh 15 tahun ke arah Wawasan 2020 adalah satu jangkamasa yang begitu singkat jika diukur dengan perkembangan ekonomi global yang kurang memberangsangkan. Sebagai negara perdagangan, Malaysia terdedah kepada faktor-faktor ekonomi luaran yang tidak dapat dikawal. Oleh itu bajet 2007 dan seterusnya hendaklah dirumus dan dilaksanakan supaya Malaysia boleh mengekang ketidaktentuan ekonomi dunia dan bergerak mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dalam Bajet 2007 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi beberapa perkara penting telah digariskan. Antaranya meningkatkan modal insan dan menambahbaik sistem penyampaian kerajaan. Sebagai golongan peniaga sebarang insentif cukai yang diberikan merupakan satu motivasi untuk melonjakkan lagi peniagaan ke satu tahap yang tertinggi. Berikut adalah beberapa insentif cukai yang dicadangkan dalam Bajet 2007.

INDIVIDU

Galakan Cukai Bagi Pembelian Komputer

Bagi menggalakkan individu memiliki komputer, pelepasan cukai sebanyak RM3,000 diberikan berbanding rebat RM500 sebelum ini. Pelepasan cukai ini juga diberikan 3 tahun sekali dan setiap individu layak mendapat pelepasan cukai bagi taksiran berasingan. Bagi taksiran bersama pula, pembelian komputer dianggap dilakukan oleh pasangan yang membayar cukai. Ini berkuatkuasa Tahun Taksiran 2007.

Galakan Cukai Individu Bagi Pendidikan Lanjutan

Mulai Tahun Taksiran 2007, pelepasan ke atas yuran pengajian diperluaskan kepada kursus dalam bidang kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti di IPT termasuk di *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF). Pembayar cukai layak mendapat pelepasan sehingga RM5,000 ke atas yuran pengajian.

Menambah Baik Layanan Cukai Ke Atas Percutian Dalam Negara

Pada masa ini, pengecualian cukai hanya diberikan kepada pembayar cukai (pekerja) bagi manfaat tambang perjalanan sahaja iaitu 3 kali setahun percutian dalam negara dan sekali setahun di luar negara. Tetapi mulai Tahun Taksiran 2007 perbelanjaan penginapan dan makanan turut diberikan pengecualian cukai untuk menggalakkan industri pelancongan negara.

Pelepasan Cukai Bagi Pembelian Buku

Pada Tahun Taksiran 2007, adalah dicadangkan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan membeli buku dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,000 setahun bagi menggalakkan budaya membaca.

Cukai Ke Atas Perkuisit

Adalah dicadangkan pengecualian cukai diberikan ke atas anugerah perkhidmatan lama, anugerah perkhidmatan cemerlang dan anugerah keselamatan (safety award) yang diterima oleh pekerja yang tidak melebihi RM1,000 setahun. Bagi anugerah perkhidmatan lama, ia diberikan kepada pekerja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun dengan majikan yang sama. Ini berkuatkuasa Tahun Taksiran 2007.

Pengecualian Cukai Ke Atas Pampasan Di Atas Kehilangan Pekerjaan

Bagi Tahun Taksiran 2007, bayaran yang diterima oleh pekerja melalui skim pengasingan diberi pengecualian cukai tetapi jika skim itu memperuntukkan bagi pengambilan semula pekerja oleh majikan, bayaran yang diterima tidak layak untuk pengecualian cukai.

Pengecualian Cukai Pendapatan Kepada Anak Kapal Yang Berkhidmat Di Atas Kapal Asing

Sebelum ini, pendapatan anak kapal yang berkhidmat dengan syarikat perkapalan Malaysia di atas kapal yang disewa dari syarikat asing tidak diberikan pengecualian. Namun bagi Tahun Taksiran 2007, pengecualian pendapatan diberikan.

SYARIKAT DAN PERNIAGAAN YANG DIKORPORATKAN

Kadar Cukai Pendapatan Syarikat

Pada masa ini, kadar cukai pendapatan syarikat ialah 28%.

Bagi syarikat kecil yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kadar cukai ialah 20% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000 dan pendapatan selebihnya adalah pada kadar 28%. Namun bagi Tahun Taksiran 2007, kadar cukai diturunkan kepada 27% ke atas pendapatan bercukai melebihi RM500,000. Bagi syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta kadar cukai 27% dikenakan.

Penalti Ke Atas Cukai Pegangan

Mulai 2 September 2006, adalah dicadangkan penalti cukai pegangan sebanyak 10% dikenakan ke atas cukai pegangan yang belum dibayar dan bukan ke atas jumlah bayaran sepenuhnya kepada bukan pemastautin.

Zakat

Mulai Tahun Taksiran 2007, adalah dicadangkan zakat perniagaan yang dibayar oleh koperasi dan badan amanah kepada pihak berkuasa agama Islam juga diberi potongan tertakluk kepada jumlah maksimum 2.5 % daripada pendapatan agregat seperti yang dinikmati oleh syarikat.

Cukai Khas Bagi Perniagaan Pemajuan Harta dan Kontrak Pembinaan

Pada masa ini, peraturan bagi perniagaan pemajuan harta dan kontrak pembinaan iaitu penentuan pendapatan kasar dan pendapatan larasan adalah seperti dalam Ketetapan Umum No. 3/2006. Mulai Tahun Taksiran 2006, adalah dicadangkan peraturan khas digubal dan diwartakan. Pemajuan harta dan kontrak pembinaan adalah dimasukkan di bawah bidang kuasa perenggan 36(a)(iv) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memperluaskan Skop Potongan Cukai Ke Atas Sumbangan Bagi Aktiviti Kebajikan

Pada Tahun Taksiran 2007, had potongan cukai ke atas sumbangan oleh syarikat bagi aktiviti kebajikan layak diberikan potongan daripada 5% kepada 7% daripada pendapatan agregat. Selain itu potongan ini juga diperluaskan kepada sumbangan untuk aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan Pesuruhjaya Sukan. Berbanding dengan sebelum ini, potongan hanya diberikan pada kadar 5% sahaja dan tidak mengambil kira sumbangan untuk aktiviti sukan.

Galakan Bagi Menaja Persembahan Kesenian dan Kebudayaan

Adalah dicadangkan bagi Tahun Taksiran 2007 potongan penajaan persembahan dan pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan ditingkatkan daripada RM300,000 kepada RM500,000 setahun. Bagi had potongan yang dibenarkan untuk persembahan dan pertunjukan luar negara adalah dikekalkan sehingga RM200,000 setahun.

Cukai Ke Atas Bayaran Sewa Kapal

Mulai 2 September 2006 bayaran sewa kapal mengikut perjalanan, masa atau kapal kosong kepada bukan pemastautin oleh syarikat perkapalan bermastautin di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Rangka Kerja Bagi Audit Cukai dan Penyiasatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri

Mulai 1 Januari 2007, adalah dicadangkan panduan audit cukai diperkemas dan rangka kerja bagi penyiasatan cukai dikeluarkan oleh LHDN seperti:

- Kriteria pemilihan.
- Kaedah.
- Hak dan tanggungjawab pembayar cukai, ejen cukai dan pegawai.
- Penyelesaian.
- Kesalahan dan penalti.

Kesimpulan

Dengan bertemakan 'Melaksanakan Misi Ke Arah Mencapai Wawasan Negara', Bajet 2007 adalah diharapkan para peniaga dan individu dapat memanfaatkan insentif cukai yang telah dicadangkan dalam Bajet 2007. **US**

Ruangan Soal Jawab **Bersama Encik Salihin Abang**

SOALAN

Baru-baru ini, syarikat saya telah didatangi pegawai audit LHDN. Saya ingin bertanya apakah hak-hak saya sebagai pembayar cukai apabila didatangi oleh pegawai audit LHDN? *Hafiz, Sri Gombak.*

JAWAPAN

Untuk kes lawatan audit secara amnya, ada beberapa perkara yang perlu diketahui oleh pembayar cukai. Biasanya, pegawai audit akan memberitahu tentang kedatangan mereka melalui surat. Surat ini secara ringkasnya memberitahu tarikh lawatan audit, nama-nama pegawai yang terlibat dan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh pembayar cukai. Pembayar cukai boleh untuk tidak bersetuju dengan tarikh lawatan audit dan meminta penangguhan ke satu tarikh yang difikirkan bersesuaian. Alasan-alasan yang munasabah mestilah diberikan. Pegawai audit tidak dibenarkan membawa keluar sebarang dokumen melainkan persetujuan pembayar cukai. Sebarang dokumen yang dibawa keluar hendaklah dicatatkan.

Setelah penemuan audit dibentangkan, pembayar cukai dibenarkan untuk membuat semakan dan mengemukakan bukti-bukti untuk menyokong kes mereka. Untuk makluman, kesilapan dan kesalahan teknikal tidak akan dikenakan penalti. Jikalau pembayar cukai tidak berpuas hati dengan isu-isu yang dibentangkan, pembayar cukai boleh memfailkan Borang Q.